

## Empat kakitangan UUM tawan Gunung Rinjani

Januari 15, 2024 @ 1:11pm



Asrol Anuar Ramli antara empat pendaki UUM yang berjaya menawan Gunung Rinjani.  
Gambar ihsan UUM

Sintok: Empat kakitangan Universiti Utara Malaysia berjaya mengharungi cabaran berliku untuk menakluki gunung kedua tertinggi di Indonesia, Gunung Rinjani yang berketinggian 3,726 meter baru-baru ini.

Empat mereka ialah Pensyarah Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Norzaliza Ghazali dan Dr Amirul Faiz Osman serta syarikat penerbitan UUM, Asrol Anuar Ramli dan Mohd Fauzwadi Mat Ali.

Norzaliza berkata, Gunung Rinjani boleh didaki dengan melalui laluan trek Sembalun dan Senaru yang mempunyai landskap hutan dan teknik pendakian yang berbeza.

"Kami memilih untuk mendaki melalui Sembalun Torean kerana jalur ini sangat cantik pemandangannya serta berpeluang melakukan khidmat masyarakat dengan menanam pokok di situ.

"Pendakian ini memang mencabar kerana seorang demi seorang mengalami kekejangan otot susulan cuaca terlalu sejuk.

"Tapi kata-kata semangat sesama kami memungkinkan sampai ke puncak," katanya.

Sementara Asrol Anuar berkata, pendakian itu amat mencabar mental dan fizikal khususnya dengan cuaca yang sangat dingin, bahang matahari berada di atas kepala, sambil ruang udara dipenuhi dengan pasir batu kerikil.

Bagaimanapun sepanjang pendakian apa yang sangat dikagumi adalah panorama yang indah memukau, saujana mata memandang dan unik.

Berkongsi pengalaman, Asrol Anuar berkata, laluan yang dipilih walaupun cantik tetapi sangat curam dan bahaya.

"Perjalanan panjang selama 16 jam menemukan kami dengan pelbagai hentian, menelusuri tebing yang curam, kawasan bergaung, lembah hijau, berpasir dan berbatu selain bukit-bukau, jurang dan gaung yang dalam," katanya.